

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1971

- (i) PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADA
ORANG-ORANG BUKAN MELAYU**
 - (ii) PINDAH-MILIK TANAH-TANAH MILIK KEPADA
ORANG-ORANG BUKAN MELAYU**
-
-

Undang-undang Rizab Melayu bil 18/1930 mengandungi peruntukan-peruntukan menegah tanah-tanah Kerajaan dalam kawasan rizab Melayu daripada diberikan kepada orang-orang bukan Melayu serta turut menegahkan tanah-tanah milik dalam kawasan rizab Melayu daripada sebarang perkiraan kepada orang-orang bukan Melayu Seksyen 9 Undang-undang Tanah Kelantan bil 26/1938 pula menegahkan tanah-tanah Kerajaan di seluruh Negeri daripada diberi milik kepada orang-orang bukan Anak Kelantan manakan Seksyen 104 menegah sebarang perkiraan tanah-tanah yang dimiliki oleh Anak Kelantan kepada orang-orang atau badan-badan yang bukan Anak Kelantan.

2. Sungguh pun peruntukan undang-undang yang disebutkan di atas ini membuat sekatan-sekatan dan tegahan-tegahan tetapi undang-undang itu juga mengandungi peruntukan-peruntukan memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri melonggarkan kawalan-kawalan dan sekatan-sekatan itu dengan sebab-sebab yang munasabah. Kuasa pihak berkuasa negeri/tidak diturunkan kepada mana-mana pegawai pun oleh itu perlu dipertimbangkan oleh pihak berkuasa negeri sendiri.

3. Pada masa-masa yang lalu pegawai-pegawai Pejabat Tanah tidak dapat hendak memastikan mana satu permohonan yang boleh dibuat sokongan atau apa rupa permohonan yang patut dibuat hanya atas pertimbangan tiap-tiap seorang pegawai menyebabkan pengesyoran-pengesoran itu berbeza di antara satu dengan yang lain.

4. Untuk mengatasi keraguan ini pihak berkuasa negeri telah merangka satu dasar khas berkenaan dengan pemberian milik dan perkiraan tanah milik kepada orang-orang bukan Melayu dan orang-orang bukan anak Kelantan. Dasar ini iaitu bagaimana yang dilampirkan kepada pengedaran ini bukanlah bermakna yang pihak berkuasa negeri mesti meluluskan atau menolak sebarang permohonan yang terkeluar daripada dasar ini tetapi ianya adalah semata-mata untuk panduan pegawai-pegawai tanah membuat pengesyoran yang berlainan dengan dasar ini jika keadaan memerlukan demikian. Walau bagaimana pun semua pegawai-pegawai tanah adalah dinasihatkan supaya seberapa boleh membuat pengesyoran mengikut dasar yang telah ditetapkan.

5. Pengedaran ini berjalan kuatkuasanya dengan serta-merta.

t.t
(Akasah bin H.A. Rahman)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU : 8HB. OGOS, 1971

PTG.(KN) 88/60 SJ.1/(22)

**DASAR PEMBERIAN MILIK, PINDAAN MILIK DAN GADAIAN
KEPADA ORANG BUKAN MELAYU & BUKAN ANAK KELANTAN**

**1. Pemberian Milik Tanah Kampung Baru Kepada
Penduduk-Penduduk Kampung Asal Kampung Baru Itu
(Semua jenis tanah iaitu tanah pertanian,
tapak rumah dan lot kedai)**

(a) Bagi kampung baru dan kawasan rizab melayu:

Pemberian milik kepada orang bukan melayu tetapi anak Kelantan
– diberi milik secara pajakan selama tidak melebihi 60 tahun,

Pemberian milik kepada orang bukan melayu dan anak Kelantan –
diberi milik secara pajakan selama tidak melebihi 30 tahun.

(b) Bagi kampung-kampung melayu di luar kawasan rizab melayu:

Pemberian milik kepada orang bukan melayu tetapi anak Kelantan
– diberi milik secara pajakan selama 99 tahun;

Pemberian milik kepada orang bukan Melayu dan bukan anak
Kelantan – diberi milik secara pajakan selama 60 tahun.

Bagi maksud perenggan ini :-

“Kampung Baru” bermakna kampung-kampung baru (new villages) yang ditubuhkan dalam satu masa darurat iaitu di antara tahun 1948 dan 1951 dahulu;

“Penduduk Asal” bermakna orang-orang pindahan darurat yang ditempatkan di atas lot-lot yang di untukan kepadanya di waktu darurat dahulu termasuklah isteri/suami atau keturunannya yang masih menduduki lot-lot yang diuntukkan asal itu.

2. Pemberian Milik Lot-Lot Perumahan Dan Lot-Lot Kedai Dalam Kampung Baru Yang Di Luar Kawasan Rizab Melayu Kepada Pemohon-Pemohon Bukan Melayu Yang Bukan Penduduk Asal (Iaitu Pemohon-Pemohon Dari Pemohon-Pemohon Yang Tertakluk Kepada Perenggan 1 Di Atas):

Pemberian milik kepada orang bukan Melayu tetapi anak Kelantan – diberi milik secara pajakan selama 60 tahun ;

Pemberian milik kepada orang bukan Melayu dan bukan anak Kelantan – diberi milik secara pajakan selama 30 tahun.

3. Pemohonan Biasa Untuk Mendapatkan Tanah Kerajaan

(a) Tanah Dalam Kawasan Rizab Melayu :

Sebarang permohonan daripada orang Bukan Melayu tidak akan diberi layanan.

(b) Tanah Di Luar Rizab Melayu :

Permohonan-permohonan daripada orang-orang bukan Melayu tetapi anak Kelantan bolehlah diberi pertimbangan dengan hakmilik berupa pajakan 60 tahun.

Permohonan daripada orang-orang bukan Melayu dan bukan anak Kelantan tidak diberi pertimbangan dan hendaklah di tolak.

4. Permohonan Daripada Orang-Orang Bukan Melayu Untuk Memiliki Tanah-Tanah Kerajaan Yang Telah Diperintah Haram Semenjak Belum 9.7.1959

(a) Tanah-Tanah Dalam Kawasan Rizab Melayu

Permohonan daripada orang bukan Melayu sama ada anak Kelantan atau tidak yang telah memerintah haram semenjak belum 9.7.1959 bolehlah diberi pertimbangan lesen sementara dengan dikenakan bayaran lesen sebanyak tidak kurang daripada 3 kali ganda daripada kadar hasil tahunan yang terjadual bagi tanah milik.

(b) Tanah-Tanah Di Luar Rizab Melayu

Permohonan daripada orang-orang bukan Melayu tetapi anak Kelantan bagi tanah-tanah yang telah diperintah haram semenjak belum 9.7.1959 bolehlah diberi pajakan selama 60 tahun dengan dikenakan premium denda menurut kadar yang terjadual dalam Kaedah Tanah Kelantan.

Permohonan daripada orang-orang bukan Melayu dan bukan anak Kelantan bagi tanah-tanah yang telah diperintah semenjak belum tahun 1959 boleh ditimbangkan lesen sementara sahaja dengan dikenakan bayaran sebanyak tidak kurang 3 kali ganda daripada kadar hasil tahunan yang terjadual bagi tanah milik.

5. Pemberian Milik Kepada Mereka Yang Telah Menceroboh Tanah Secara Haram Selepas 9hb. Julai, 1959 (Tidak Kira Dalam Atau Luar Kawasan Rizab Melayu)

Semua permohonan daripada orang-orang bukan Melayu sama ada anak Kelantan bagi tanah-tanah yang telah diperintah haram selepas tahun 1959 hendaklah dirujuk untuk pertimbangan M.M.K.

6. Jual Atau Pindah Milik Tanah Di Antara Orang-Orang Bukan Melayu Bagi Tanah-Tanah Di Dalam Rizab Melayu

Pindah milik kepada orang-orang bukan Melayu anak Kelantan boleh diberi pertimbangan dengan tidak ada perubahan kepada semua hakmilik.

Pindah milik kepada orang-orang bukan Melayu bukan anak Kelantan boleh diberi pertimbangan dengan syarat penerima bersetuju ditukarkan hakmilik kepada pajakan tidak lebih daripada 99 tahun.

7. Tanah-Tanah Untuk Kegunaan Perusahaan (Termasuk Lot-Lot Gudang Dalam Kawasan Perusahaan)

(a) Bagi tanah dalam kawasan perusahaan yang dibuka oleh Kerajaan Negeri dan tanah-tanah Kerajaan yang diberi milik terus untuk kegunaan perusahaan (dalam atau luar Rizab Melayu) boleh diberi pertimbangan pajakan tidak lebih daripada 99 tahun.

(b) Bagi tanah-tanah untuk kegunaan Perusahaan yang dibeli sendiri sahaja oleh Syarikat perusahaan itu boleh diberi pertimbangan pindahmilik kepada Syarikat perusahaan itu dengan syarat syarikat itu bersetuju menerima hakmilik baharu berupa pajakan tidak lebih daripada 99 tahun

Kedua-dua (a) dan (b) di atas adalah tertakluk kepada syarat bahawa jika perlu tanah itu akan diberi milik kepada P.K.I.N. dan Perbadanan itu selanjutnya akan memberi pajakan kepada syarikat yang berkenaan.

Jenis Hakmilik Bagi Tanah-Tanah Yang Tertakluk Kepada Dasar Ini:

Jenis hakmilik yang hendak dikeluarkan dibawah dasar ini (iaitu sama ada hakmilik pendaftaran atau hakmilik pejabat tanah) hendaklah menurut ketetapan dalam Seksyen 77 K.T.N. dengan syarat bahawa tanah-tanah untuk perusahaan hendaklah diberi hakmilik pejabat walaupun ianya terhak kepada hakmilik pendaftar walaupun iainya kepada hakmilik pejabat tanah menurut Seksyen 77K.T.N.itu.